

# 'KESANNYA AMAT BURUK KEPADA NEGARA DAN RAKYAT'

## PM: Bahaya main isu anti- Persekutuan

UM - 9 JUL 1990  
BAGAN SERAI 8 Julai —  
Perdana Menteri, Dato' Sri  
Dr. Mahathir Mohamad hari  
ini mengingatkan parti-parti  
politik yang mungkin me-  
mainkan isu anti - Persekutu-  
an di Sabah dan juga di  
tempat-tempat lain sebagai  
'bermain dengan api' yang ke-  
sannya amat buruk kepada ne-  
gara dan rakyat.

"Kita berasa tidak senang hati bukan sahaja di Sabah tetapi juga di tempat-tempat lain. Sebab itu kita nasihat parti-parti di Sabah supaya elak guna isu anti-Persekutuan," ujar Dato' Sri Dr. Mahathir yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Mungkin mereka perlu main isu ini yang bermakna mereka 'bermain dengan api' dan kesan yang buruk kepada kita tambah beliau sebagai menjawab pertanyaan wartawan dalam sidang akhbar di akhir lawatan sehari di sini petang ini.

Perdana Menteri juga menyebut terdapat sebuah parti tertentu di Sabah yang membawa isu untuk membawa keluar negeri itu daripada Malaysia tetapi mahkamah tidak memberi hak pada mana-mana pihak untuk keluar daripada Malaysia.

Mengulas isu supaya dikaji semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang terkandung dalam manifesto PBS yang diumumkan oleh Ketua Menteri Sabah Dato' Joseph Pairin Kitingan bagi pilihanraya negeri itu pada 16 dan 17 Julai ini Dato' Sri Dr. Mahathir mempertikaikan kenapa isu tersebut tidak dibangkitkan dalam Barisan Nasional dan mungkin bertujuan untuk memancing undi semata-mata.

Perdana Menteri sebaliknya bertanya apakah tujuan untuk mengkaji semula ISA itu bagi menghapuskan akta tersebut yang sepatutnya 'dibangkitkan' dalam Barisan Nasional.

Oleh  
Mat Piah Teh Deris

Mengenai keadaan keselamatan di Sabah menjelang pilihanraya negeri itu Dato' Sri Dr. Mahathir selaku Menteri Dalam Negeri memberi jaminan bahawa kerajaan akan memastikan rakyat Sabah boleh mengundi dalam keadaan tidak terugut.

Bagaimanapun beliau menjelaskan bahawa keadaan di Sabah setakat ini mampu mengawal keselamatannya.

Ditanya mengenai pemerhati Komanwel bagi pilihanraya umum akan datang Dato' Sri Dr. Mahathir mengulangi bahawa beliau bersedia untuk berjumpa dengan Lim Kit Siang bagi membincangkan perkara tersebut tetapi mempertikaikan sikap Ketua Pembangkang itu yang yakin kepada pemerhati pilihanraya dan tidak percaya kepada pemerhati Komanwel.

### Bantuan rakyat termiskin

Sebelum itu Dato' Sri Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO merangkap Pengerusi Barisan Nasional yang diiringi oleh isterinya Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd Ali telah berucap kepada perhimpunan bersama rakyat di Padang Sekolah Menengah Inggeris Jalan Permatang Buluh, bergotong-royong membina rumah bagi program bantuan rakyat termiskin dan mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin dan ahli-ahli UMNO dalam bahagian Padang Serai di sini.

Turut berucap di perhimpunan bersama rakyat yang dihadiri penyokong BN itu ialah Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib. Turut hadir Menteri Penerangan Dato' Mohamed Rahmat yang juga Setiausaha Agung UMNO dan beberapa orang timbalan-timbalan menteri dan pemimpin UMNO negeri.

Dalam ucapannya Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan Barisan Nasional berikrar ingin mengekalkan sistem demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan, mengekalkan sistem yang memberi peluang kepada rakyat memilih kerajaannya sendiri.